

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 11 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan mengapa Kementerian memberhentikan pemberian wang tanaman semula bagi pekebun-pekebun kecil kelapa sawit. Adakah Kementerian akan memulihkan pemberian wang tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Bermulanya Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11), Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) yang disediakan semasa RMK-10 telah ditukar daripada **geran kepada pinjaman** dan dikenali sebagai Skim Pembiayaan Mudah Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit (TSPKS). Skim TSPKS telah dirangka agar tidak membebankan pekebun kecil dengan kadar faedah yang rendah iaitu 2%, tempoh moratorium selama 48 bulan dan tiada cagaran.

Untuk makluman Yang Berhormat, penukaran ini adalah sejajar dengan dasar semasa Kerajaan untuk program tanaman semula sawit yang diusahakan oleh agensi lain seperti Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Persekutuan (FELCRA), Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak (LKTS), Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (SLDB), Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Sarawak (SALCRA) dan juga Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA).

Walau bagaimanapun, menyedari akan keperluan dan kehendak pekebun kecil, Kementerian sedang mengkaji kemungkinan untuk menstruktur semula skim TSPKS untuk dikhususkan kepada kumpulan sasar tertentu seperti golongan B40 dan sebagainya. Namun, ianya tertakluk kepada kemampuan kewangan kerajaan.

Sekian, terima kasih.